

03/03/2005

Dr M sewa feri kirim bantuan ke Aceh

LANGKAWI: Penderitaan mangsa tsunami di Aceh, Indonesia, terus mendapat simpati pelbagai pihak di Malaysia walaupun peristiwa itu sudah lebih dua bulan berlalu.

Selain ikrar Malaysia untuk membantu membangunkan semula wilayah yang paling teruk dilanda tragedi itu yang membabitkan kematian lebih 120,000 penduduknya serta kemusnahan besar-besaran harta benda, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di negara ini terus menghulurkan bantuan berbentuk makanan, perubatan dan pakaian.

Malam kelmarin, feri Fortune Express Dua milik syarikat JNV Feri Services Sdn Bhd yang berpangkalan di sini, bertolak dari pelabuhan Tanjung Lembang ke Sabang, Keruing Raya dan Paroe di Aceh untuk menghantar bantuan kepada penduduk Aceh.

Pengarah Urusan JNV Feri Services, Ku Azhar Ku Abd Razak, berkata feri berkenaan disewa bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, untuk menghantar sumbangan berkenaan.

Beliau berkata, selain menyewa feri berkenaan, Dr Mahathir turut menyumbangkan bantuan vitamin dan ubatan.

Katanya, antara sumbangan yang dibawa ialah bawang besar, susu bayi, gula, tepung, minyak masak, beras dan benih jagung serta sayuran.

"Turut menyumbang, Yayasan Amanah Saham Anak Langkawi (ASAL), Umno Bahagian Langkawi dan orang perseorangan dari seluruh negara.

"Pelayaran dari Langkawi ke Sabang akan mengambil masa 13 jam 40 minit. Fortune Express akan tiba di Langkawi, Sabtu ini dan dijangka disambut Dr Mahathir sendiri," katanya.

Ku Azhar berkata, sebelum ini syarikat itu sudah melakukan enam pelayaran kemanusiaan ke Aceh untuk tujuan sama.

Sementara itu, Ahli Parlimen Langkawi, Datuk Abu Bakar Taib, yang turut membantu menaikkan sumbangan berkenaan ke dalam feri, berkata pelayaran seperti itu akan diteruskan dari semasa ke semasa selagi penduduk Aceh memerlukan bantuan.

(END) Source : Berita Harian